

Konstabel polis lepas gian di pusat hiburan kena cekup

1 Oktober 2019

Konstabel polis lepas gian di pusat hiburan kena cekup

KUALA LUMPUR – Seorang anggota polis berpangkat konstabel antara individu yang ditahan ketika sedang leka berhibur sambil melepas gian dalam Ops Club Rats di sekitar ibu negara pada Sabtu lalu hingga kelmarin.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman, Datuk Mohd. Khalil Kader Mohd. berkata, seramai 429 pengunjung berusia 18 hingga 41 tahun ditahan dalam operasi dua hari di 22 pusat hiburan berlesen.

"Pihak polis melakukan pemeriksaan ke atas 1,350 orang pengunjung dan daripada jumlah itu, seramai 275 individu ditahan kerana

didapati positif ujian saringan yang terdiri daripada 205 pengunjung lelaki dan 70 pengunjung wanita.

"Turut ditahan dalam operasi sama adalah seorang anggota polis berpangkat konstabel berusia 27 yang dikesan positif dadah jenis methamphetamine," katanya pada satu sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kuala Lumpur di sini semalam.

Menurut Mohd. Khalil, pemeriksaan yang dilakukan juga mendapati seramai 85 individu daripada keseluruhan pengunjung yang ditahan merupakan warga asing dari pelbagai negara.

"Dalam operasi sama, polis me-

nahan seramai 154 pengunjung kerana memiliki bahan terlarang seperti heroin, ketamin, erimin 5, pil ekstasi dan air ketum.

"Kesemua dadah yang dirampas dianggarkan seberat 438.7 gram dengan nilai kira-kira RM4,012," jelas beliau.

Beliau berkata, kesemua individu tersebut ditahan mengikut Seksyen 117 Kanun Prosedur Jenayah bagi membolehkan siasatan lanjut dibuat mengikut Akta Dadah Berbahaya 1952.

SEBAHAGIAN daripada individu yang diperiksa dalam Ops Club Rats di sekitar Kuala Lumpur kelmarin.

